

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

HAJI KAMARUZZAMAN BIN HAJI MOHD SALLEH  
PENGUSAHA SAMASA BATIK

OLEH:

NIK FARIDAH BINTI AZUDDIN (2014868974)  
NURUL ATIKAH BINTI MOHD FAUZI (2014866786)

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2015 – JAN 2016)

# Penghargaan

## Penghargaan

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat illahi kerana tanpa keizinan dan keberkatan-Nya kami mungkin tidak dapat menyiapkan wawancara ini dengan jayanya. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberi peluang dan kerjasama kepada kami untuk menyiapkan wawancara ini.

Ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan ditujukan khas kepada Tuan Haji Yusob Bin Hanapiah sebagai tokoh pilihan kami kerana sudi memberikan kebenaran kepada kami untuk menemubual beliau dan banyak memberikan kerjasama dalam setiap wawancara yang kami lakukan

Tidak ketinggalan juga penghargaan ini ditunjukkan kepada pihak Universiti Teknologi Mara Kelantan khususnya kepada Puan Nurulannisa Bt Abdullah selaku pensyarah bagi kod kursus IMR604 yang banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar daripada awal sampai akhir proses penulisan transkrip ini dilakukan.

Sesungguhnya, kajian ini memberikan satu lagi khazanah yang tidak ternilai mengenai biografi tokoh yang banyak memberikan sumbangan di negeri Kedah tanpa kita sedari. Usaha ini akan terus dilakukan untuk menjadi tatapan umum khususnya kepada generasi baru.

Sekian terima kasih.

.....  
Nik Faridah Binti Azuddin  
Penemubual

.....  
Nurul Atikah Binti Mohd Fauzi  
Penemubual

# **Abstrak**

## ABSTRAK

***Abstrak** :Ringkasan temubual ini adalah antara tokoh Tuan Haji Kamaruzzaman Bin Haji Mohd Salleh dan pelajar Nik Faridah Binti Azuddin bersama Nurul Atikah Binti Mohd Fauzi bertempat di perusahaan beliau di Pencakimia Sdn.Bhd ,Kota Bharu ,Kelantan pada 02/11/2015 jam 2.00 petang. Temubual ini berkaitan dengan biografi atau biodata kepada Tuan Haji Kamaruzzaman Bin Haji Mohd Salleh yang merangkumi latar belakang ,sejarah pendidikan dan pengalaman sepanjang menjalankan perusahaan batik dan juga telah cabaran dalam menaikkan dan memperkenalkan batik ini ke seluruh Negara. Banyak sumbangan yang dicurahkan oleh tokoh terhadap masyarakat khususnya sekitar negeri Kelantan dan juga luar Negara seperti Negara Jerman. Kegigihan dan semangat beliau yang tinggi untuk Berjaya dalam bidang yang diceburi merupakan asset yang cukup berharga dalam kehidupan yang telah dibuktikan oleh tokoh melalui kehidupan tokoh sekarang. Kajian ini sesuai dibukukan kerana ia mengandungi maklumat berkaitan sejarah dan latar belakang kehidupan tokoh yang penuh liku dan onak sehingga mnegcapi nikmat dan kejayaan sebagai pengusaha batik yang Berjaya sehingga Berjaya merangkul beberapa anugerah.*

*Kata kunci : Tuan Haji Kamaruzzaman Bin Haji Mohd Salleh,perusahaan batik,Jerman.*

# Isi kandungan

## Isi kandungan

Penghargaan .....	1
Abstrak .....	3
Isi kandungan .....	5
Biodata tokoh .....	7
Pengenalan.....	9
Transkrip .....	12
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG.....	14
BAHAGIAN 2 : JENIS DAN KAEDAH BATIK.....	19
BAHAGIAN 3 : ANUGERAH YANG DIMENANGI.....	23
BAHAGIAN 4 :STAFF DI SAMASA BATIK.....	27
BAHAGIAN 5 : TEMPAHAN.....	30
BAHAGIAN 6 PENGALAMAN ,CABARAN,PERSAINGAN.....	31
BAHAGIAN 7 :MASA DEPAN DAN NASIHAT.....	35
RUJUKAN .....	39
LAMPIRAN .....	41
LOG WAWANCARA.....	42
DIARI KAJIAN.....	48
Senarai soalan .....	50
Surat perjanjian tokoh.....	55
Gambar .....	56
Indeks .....	57

# **Biodata tokoh**





- Nama penuh : Kamarulzaman Bin Haji Mohd Salleh
- Umur: 67 Years Old
- Status: berkahwin
- Tarikh lahir: 1988
- Pendidikan :
  - Southern Ismail School
  - :Sekolah Merbau Inggeris School
  - :Sultan Ismail college
  - :Shortcourse at Germany
- Jawatan : Bendahari Dewan Perniagaan Melayu Kelantan
  - Timbalan Dipertua Persatuan Batik Malaysia
  - :Dipertua Persatuan Batik Melayu Pantai Timur
- Anugerah:
  - Menang tempat ketiga merekacipta corak batik di Balai Seni Lukis Kuala Lumpur
  - Tersenarai dalam anugerah “tokoh kraf”

# Pengenalan

## **Pengenalan**

Batik adalah hasil seni dan kraf yang terkenal terutamanya di Malaysia dan Indonesia. Perkataan 'batik' itu sendiri berasal dari perkataan Jawa yang menggabungkan dua perkataan iaitu 'amba' yang bermaksud menulis dan 'titik'. Perkataan batik merujuk kepada proses menghasilkan kain dengan menggunakan teknik terapan lilin bagi menghasilkan reka corak yang kemudian dicelup dengan pelbagai warna yang menarik. Reka corak serta penggunaan bahan-bahan baru telah menyemarakkan lagi pengeluaran batik. Batik yang dihasilkan di negara ini telah berjaya menembusi dunia fesyen antarabangsa. Kebiasaannya reka corak dan motif-motif batik diinspirasikan dari alam semula jadi seperti flora dan fauna yang kemudiannya digabung dengan corak-corak geometri atau abstrak.

Reka corak batik ini diaplikasikan ke atas batik menggunakan teknik canting, batik blok dan batik sutera saring. Di Malaysia kini batik telah diangkat sebagai salah satu daripada seni warisan bangsa yang menjadi kebanggaan negara. Perusahaan batik dipercayai bermula pada awal abad ke 12 iaitu di Kepulauan Jawa dan kemudiannya berkembang ke Semenanjung Tanah Melayu, khususnya di Kelantan dan Terengganu. Semenjak itu seni kemahiran batik terus berkembang ke negeri-negeri lain di Malaysia. Batik di negara ini dihasilkan dengan teknik dan reka corak yang beridentitikan Malaysia. Kini Malaysia menjadi salah sebuah negara pengeluar utama batik di dunia yang mengiktiraf kehalusan dan kemahiran kerja tangan pengeluar batik tempatan.

Terdapat pelbagai jenis batik di Malaysia antaranya batik blok, batik canting, dan batik skrin.

Haji Kamaruzzaman merupakan pengusaha batik yang terkenal. Beliau mengusahakan perusahaan batik ini dari arwah bapanya sendiri. Setelah tamat pengajian, Haji Kamaruzzaman mewaris perniagaan ayahnya selain dari adik beradiknya. Beliau membuat batik secara tradisional tanpa menggunakan peralatan teknologi. Beliau mencorak dan mereka corak batik tanpa meniru mana-mana corak perusahaan batik yang lain.

Disebabkan atas usaha dalam menaikkan nama batik sehingga dikenali oleh orang ramai, beliau tercalon dalam anugerah tokoh kraftangan bermula tahun 2000. Beliau turut memenangi tempat ketiga dalam mereka corak batik di Balai Seni Lukis Negara. Beliau turut menerima kursus di Jerman bagi mereka corak batik bagi menaikkan taraf batik di perusahaan beliau.

Haji Kamaruzzaman memasang hasrat untuk meluaskan perniagaan batik beliau ke negara luar seperti contoh Singapura. Namun begitu beliau berharap agar mendapat sokongan dari kerajaan

untuk mengkomersialkan industry batik ini kerana bagi beliau sekarang ini industry batik semakin pupus.

Beliau turut menasihati anak-anak muda yang ingin berkecimpung dalam industry batik ini supaya tahu dan kenal mengenai corak batik ini kerana bagi beliau pada masa sekarang ramai orang meniru rekaan batik yang asli dan menghasilkan batik tiruan sekaligus membuatkan perniagaan batik pada masa kini jatuh merundum. Beliau turut menyeru agar semua pihak mempopularkan seni batik ini supaya tak lapuk hujan ,tak lekang panas. Sebagaimana yang kita lihat kini batik hanya dipakai di rumah-rumah oleh surirumah.

# Transkrip

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Nik Faridah Binti Azzudin dan Nurul Atikah Binti Mohd Fauzi bersama Haji Kamaruzzaman Bin Haji Mohd Salleh mengenai latar belakang tuan haji, sejarah pendidikan, mengenai perniagaan beliau serta beberapa nasihat yang berguna. Rakaman ini di buat di perusahaan beliau di Pencakimia Sdn Bhd, Kelantan pada dua November dua ribu lima belas [02/11/2015]. Berikut adalah hasil rakaman:

Petunjuk :

THK : Tuan Haji Kamaruzzaman

NF: Nik Faridah

**KASET A BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG TOKOH,JENIS DAN KAEDAH  
BATIK DAN ANUGERAH YANG PERNAH DIMENANGI BELIAU**

**BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG**

**NF: Pertama sekali boleh Tuan haji cerita tentang latar belakang seperti nama penuh, umur, asal, tempat kelahiran, tempat dibesarkan?**

THK: Yang saya ingatlah. pasal orang lama kan.(ketawa) .Nama penuh Kamarulzaman Bin Haji Mohd Salleh. Berumur sekarang ini 67 [enam puluh tujuh] tahun.Saya lahir 1988 [sembilan belas lapan puluh lapan] .Warga emas saya sekarang ini. Saya *background* [latarbelakang] sekolah Sultan Ismail College SIC. Tahu SIC? Southern Ismail College. Kalau primary [sekolah rendah] sekolah di sekolah Merbau Inggeris School. Selepas pada itu pindah ke Sultan Ismail College.

**NF: Kira ini waris warisan SAMASA? SAMASA atas nama apa?**

THK: Ia [dia] SAMASA ini ringkas nama daripada syarikat Mohd Salleh. SA tu [itu] syarikat MA Mohamad SA Salleh. Jadi SAMASA. SAMASA batik dari ringkasan SAMASA dari syarikat Mohd Salleh tapi pada tahun 50-an ke atas. Saya ada 11 [sebelas] adik beradik lelaki 9 [Sembilan] perempuan 2 [dua] . Jadi semuanya berkecimpung dalam industri batik.

**NF: Jadi cawangan dekat kelantan atau luar?**

THK: Dekat Kelantan, jadi *family* [keluarga] kita ini adalah asal pengasas batik di Kelantan pada 1911 [sembilan belas sebelas] . Itu sejarah itu. Batik berkembang pada satu tempat di Lorong Gajah Mati. Lebih kurang 1 [satu] kilometer. Jadi daripada situ masa itu atuk saya Haji Che Su ,bapa saya Mohd Salleh Bin Haji Che Su dia pun [juga] ada adik-beradik ramai 6 [enam] ke 7 [tujuh] adik- beradik dia laki [lelaki] , 1 [satu] perempuan. Jadi bila dah bapa dia berkembang di sana *so* [jadi] pada tahun 40-an batik ini berkembang tak [tidak] boleh lagi buat kat [dekat] sana di Lorong Gajah Mati lalu berpindah ke sini ke Kampung Putih masa tu [ itu] makna nya bandar ni masih tak [tidak] terbuka. Jadi masa itu kalau nak [hendak] ulang- alik dari Lorong Gajah Mati dalam satu kilometer tu [itu] jalan raya pon tak ada [tiada]. *So* [jadi] kalau diorang [mereka] datang kat sini [ ke sini] Kampung Putih sini pagi, tak [tidak] mampu la nak [hendak] balik tengahari sebab *by main* [utama] kenderaan adalah basikal saja bahkan jalan kaki. Itu telah jauh lah. [Paling jauh] Jadi pindah ke sini kira jauh dari bandar. Kalau bandar Kota Bahru itu masih tak [tidak] terbuka lagi. Dia pindah kat sini [di sini] kiranya macam sekarang pindah kat [dekat] Pasir Putih jauhnya untuk nak [hendak] menjauhi dari orang kampung disebabkan batik ada guna tekstil yang mencemarkan kawasan *so* [jadi] dia pindah kat sini [di sini]. Tapi sini dah jadi kawasan bandar. Sekarang dah berapa puluh tahun. Jadi bila pindah kat sini [di sini] batik tu [itu] berkembang. Dia dengan keluarganya bapa saya bukan yang tertua. *Brother* [abang] dia, abang dia nama Mohd Yusof. Mohd Yusof yang *develop* [membangun] kan batik ini namakan syarikat itu Yusof Company. Masa itu dalam pemerintahan British 80-an, jadi Mohd Yusof Company ini *develop* [membangunkan] batik apa semua sekali, ditakdirkn pada tahun 50-an itu batik ini jatuh sebab persaingan. Persaingan dengan batik-batik tiruan daripada Jepun dan ...



sebagainya. Jadi kilang itu *close* [tutup] dah. Kilang Mohd Yusof company dengan pekerjanya lebih kurang dalam lima ratus [500] orang. Masa tu [itu] mana ada lagi kilang-kilang di Pulau Pinang tak ada lagi [tidak wujud lagi] tahun 40-an tapi kita disini dah ada dengan kadar pekerja lima ratus [500] pekerja buat kerja siang malam buat batik sarong masa tahun 40-an. Tapi jatuh. Jatuh tulah, bapa saya ini salah seorang yang *share* [kongsi] dalam Mohd Yusof *company* [syarikat] tu [itu] keluar *and then* [kemudian] anak-anak masih kecil lagi, saya masih kecil lagi mungkin masa tu [itu] baru nak [hendak] berjalan ke apa [atau] merangkak ke apa-apa jadi dia buat syarikat kecil-kecilan dengan memakai nama Mohd Salleh ihsan jadi terus, terus teruskan bila saya dah dewasa barulah tukar ke syarikat Mohd Salleh. Dari Mohd Salleh ihsan tukar ke syarikat Mohd Salleh. *And then* [selepas itu] syarikat tidak sendirian berhad lagi bila dah mahir apa semua sekali kita tubuhkan SAMASA batik sdn.bhd. Itulah *establish* nya [penubuhan] SAMASA batik. Itu sejarah dia.

**NF: Saya nak tahu kenapa maklumat mengenai Tuan haji Susah nak didapati di laman sosial? Macam nak cari latar belakang tentang Tuan haji semua sukar.**

THK: Saya tak masuk.saya tak masuk sangatlah. Saya tak campur apa-apa yang ada sekarang ini.

**NF: Adakah isteri Tuan haji membantu dalam perusahaan batik ini?**

THK: Isteri saya sebagai seorang suri rumah. sekarang ini saya ada anak 3 [tiga]. Dan semua sudah berumah tangga. Jadi anak-anak saya karier berbeza. Ohh bukan dalam bidang ini? (ditanya oleh penemuramah) bukan bidang ini, bidang lain. Masing-masing ada satu *lawyer* [peguam] satu bahagian *accounting* [perakaunan] satu bahagian apa ni [ini] arkitek.

**NF: Jika berkelapangan Tuan haji melakukan aktiviti apa? Bila waktu free [masa lapang] ada tak?**

THK: Ok, saya mcm ini, saya banyak mencebur dalam NGO, badan-badan *non-government* [bukan kerajaan] yang banyak nyelah saya Dewan Perniagaan Melayu Malaysia. Saya dulu, letak jawatan saya sebagai bendahari dalam Dewan Perniagaan Melayu Kelantan. Selama lebih kurang dalam 10 [sepuluh] ke 15 [lima belas] tahun so [jadi] sekarang ni saya masih lagi pegang dalam NGO ialah Persatuan Batik Melayu Pantai Timur sebagai yang dipertua dan juga Timbalan Yang Dipertua Persatuan Batik Malaysia ibu pejabat di Kuala Lumpur yang dipertua ialah Dato Zainal Ali, orang kuat Pok Loh, [Datuk Abdullah badawi] Sri Endon dia orang kuat lah. Masa tu [ketika itu] dia *form* [isi] kan Persatuan Batik Malaysia untuk merangkumi seluruh Malaysia tapi benda ini tak [tidak] semua orang ambil kesempatan tak [tidak] ramai menjadi ahli Persatuan Batik Malaysia tapi kat [di] Kelantan ini Persatuan Batik Melayu Pantai Timur memang ramai yang *exist* [sedia ada] jadi sekarang ini saya masih lagi pegang yang dipertua Persatuan Batik Melayu Pantai Timur dan juga kita ada satu am perniagaan koperasi batik kelantan. Jadi badan ini untuk peniaga untuk berniaga sama ada kain putih bahan pewarna berniaga batik ke macam macam lah yang ...

hasil dari batik sebab persatuan tak boleh berniaga. Cuma boleh bela untuk ahli sahaja. Jadi itulah aktiviti saya selain daripada dalam batik seni. Tapi saya banyaknyelah SAMASA batik satunya saya di sini ialah SAMASA Pencakimia Sdn.Bhd saya di sini menguruskan dalam bidang tekstile, pewarna dan bahan-bahan lain makna nak [mahu] saya *supply* [membekalkan] SAMASA ke sesiapa sahaja bahan pewarna ke kain putih saya boleh *supply* [membekalkan] jadi kita tak mau [tidak mahu] dalam satu kelompok sahaja, SAMASA batik kita pecahkan.

**NF: Saya nak tahu kalau Tuan haji tidak dalam bidang perusahaan ini tuan haji cita-cita hendak jadi apa?**

THK: Saya? Saya akan terlibat sebagai orang seni. Bukan saya nak cari *glamour* [terkenal] tapi saya suka pada filem. Sebab filem ini macam juga industri batik atau *you* [awak] tengok mengapa panggil batik skrin, batik skrin nampak tak batik skrin ini contohnya kalau *you* [awak] tidak *print* [cetak] atas kain, *transfer print* [hantar cetakan] atas kain ia tidak akan jadi corak. Begitu juga filem, filem *you* [awak] ambil *scene by scene* [dari babak ke babak] bila *you* [awak] atur *edit* [sunting] jadi sebuah cerita filem. Jadi saya minat begitu .saya suka kalau tidak dalam bidang ini. Tapi masa dulu sebab saya tidak bersama-sama dengan orang filem. Tapi memang saya tengok sesebuah cerita saya tidak tengok cerita, saya tengok dia punya set dia punya sambungan saya, *sorry* [maaf] panjang sikit sebab *you* [awak] tanya, (ketawa) saya suka tengok filem P.Ramlee yang dia amat daih sejak akhir-akhir ini. Tapi orang suka filem dia. Kalau tengok filem dia baju yang sama berapa *scene* [babak] tapi *you* [awak] tidak perhati mungkin. Tapi saya tengok benda ini tapi dia buat cerita itu ...

munasabah dengan pakaian, *scene* [babak] yang lain baju yang sama patut baju lain lah hari lain. Ini pemerhatian saya. Sebab saya suka tengok benda begini saya *relate* [kait] dengan industri batik ini. Kalau you tidak *transfer* [hantar] pada kain kalau you [awak] buat *screen printing* [cetakan skrin] tidak jadi apa-apa kan, blok ini kalau 3 [tiga] , 4[empat] warna *screen you* [skrin awak] ada kalau tak *transfer* [pindah, agih] pada kain tidak jadi corak begitu jugak cerita ini *you take part by part scene by scene* [awak ambil bahagian ke bahagian babak ke babak] bila [apabila] *you edit* [awak sunting] semua sekali jadi satu cerita satu filem. *And then* [kemudian] satu filem tidak *transfer* [pindah] layar putih, layar perak tidak akan nampak cerita apa-apa hanya akan duduk pada *role* [rakaman] saja. Bila *you* [awak] tanya itulah.

## **BAHAGIAN 2 : JENIS DAN KAEDAH BATIK**

**NF: Saya hendak tahu jenis dan kaedah mengendalikan batik di SAMASA batik ini.**

**Contoh macam berapa jenis corak batik yang ada, kain di SAMASA batik di import daripada mana?**

THK: Batik ini kalau *you* [awak] ambil sejarah dia sekarang ini mungkin *you* [awak] nampak yang kiteorang [kami] buat yang terkini jubah mengikut *trend* [gaya kini] sebab batik ini mengikut fesyen *trend* [gaya kini]. Kalau *you* tidak ikut itu *you be leave out* [awak akan keluar] dalam industri ini. Kalau sekarang minta jubah *you* [awak] buat batik sarong *so* [jadi] macam mana kita nak berniaga. Batik ini kita kena ikut *trend* [gaya kini] mengikut fesyen yang kita boleh buat batik. Batik ini dia daripada dulu memang banyak nama-nama corak batik laksam, silang emas, batik --, macam-macam nama batik lepas. Batik lepas ini 2 [dua] ela setengah saiz dia. Kalau biasanya orang letak kat [di] keranda batik lepas ini, tapi orang pakai. Tahun 70-an kita buat batik ela. Jadi permintaan. Maknanya orang kata ...

pasai [perkara] apa tak buat [kenapa tidak buat] batik ela. Jadi inilah peluangnya kita boleh *eksport* [menghantar] batik ela contoh ke Australia ke. Dia nak [hendak] kain ela yang boleh potong. Jadi kita *develop* [bina] kain ela satu masa pada tahun 70-an yang memang banyak kita keluarkan batik retak 1000 [seribu] batik --, itu yang guna banyak bahan . Batik terap cop. Itu pada tahun 70-an. Banyak batik retak, retak seribu ni [ini] kita *eksport* [hantar] ke Jepun terutamanya Jepun yang banyak ambil. Itu mengikut *trend* [gaya kini]. Saya sikit sentuh yang canting ini, batik canting yang kita popular sekarang ini. Indonesia dah lama berpuluh tahun dah dia dulu lagi buat batik canting ini. Tapi kita selepas batik ini malap, selepas tahun 70-an batik ini *down* [jatuh], kita cuba cari pula batik dengan cara canting, tapi Indonesia lama dah dengan batik canting ini, tapi depa [Indonesia] halus lagi. Kita ini buat dengan cara kita. Batik Indonesia ini kalau canting atas tangan. *You* [awak] biasa tengok canting atas tangan? [Penemuramah menggeleng]. Balik kena tanya pensyarah ada ke tidak. [ketawa]. Kalau dia lukis atas tangan. Contoh kain dia pegang begini (tunjuk cara). Dia tidak macam kita kalau kita rengangkan kain atas *tracer* [papan melukis batik]. Dan kita lukis.mereka tidak begitu. Dan ia lebih halus lagi tapi Alhamdulillah dengan batik canting dapat pasaran. Satu perkembangan baru. Batik canting dalam akhir 70-an, 80-an sehingga sekarang batik canting. (Dia menggunakan teknik tradisonal?) Ya tradisonal. bukan guna mesin? Jadi saya dari dulu lagi, keluarga saya memang cari kelainan *something new* [sesuatu yang baru] yang boleh orang kata produk yang lebih, *production* [produksi] yang lebih, jadi kalau *you* [awak] nak buat cara blok besi dengan lilin memang lambat, *production limited* [produksi terhad] tidak banyak keluar, dalam keluarga saya Mohd Yusof Company telah *develop* [membangunkan] kan batik skrin.biasakan batik skrin di Univeriti Teknologi Mara? Yang guna skrin dan *print* [cetak] apa-apa t-shirt ke. Jadi SAMASA batik atau Mohd...

Yusof Company ini telah lama bersama-sama dengan batik skrin. Jadi batik skrin boleh membantu bukan 100% kita buat skrin dengan tapi kombinasi skrin dan sama ada blok tadi atau canting, barulah kita dapat *production* [produksi] kalau tidak batik kita hari ini bila-bila pihak tekstil di Korea, Jepun, Indonesia, Thailand dia akan ciplak [meniru idea asal] batik kita. dia tiru batik kita. Dia *block market* [sekat pasaran] kita. Dia jual. Kalau kita jual batik sepasang dua ratus [200] lebih sepasang. dia jual dua puluh lima [25] ringgit sepasang yang tekstil. Tahu ke tidak yang batik tiruan? Kain pasang. berapa kontena masuk lawan dengan kita. Jadi inilah yang jadi kengkangan kepada pengusaha batik kita, nak lawan dengan mereka. Mereka jual lebih murah lagi, *design* [reka bentuk] comel jugak, cantik jugak, kita hanya mampu boleh buat cara lukis tangan, cara tradisional. Jadi inilah masalah kepada pembatik ini untuk bersaing dengan tekstil. Tapi *whatever* [apa sahaja] batik itu cantik kalau *you* [awak] ingat lagi batik yang dipopularkan oleh NGO arwah Endon dalam satu slogan batik --. Jadi di situlah bergerak balik batik akhir tahun 80-an. Jadi batik ini bergerak pada masa itu. Batik lukis, tapi masa tiga [3] bulan kemudian batik tadi ditiru oleh tekstil, kerajaan mengisytiharkan zaman pok loh [Abdullah badawi] pakai batik tiap-tiap hari Khamis. Tetapi orang cari yang murah beli yang tekstil. Ini yang masalah kepada pengusaha. Tanyalah, rata-rata masalah ini.

**NF: Adakah harga batik di SAMASA batik berbeza mengikut jenis kain digunakan?**

**Paling mahal berapa?**

THK: Dia macam ni [begini] kalau ikut atas kain. Kalau kain-- mungkin paling tinggi 300 [tiga ratus] 1 [satu] pasang. Kalau sekarang popular dengan -- mungkin kita jual 150...

[seratus lima puluh] sepasang. Tapi atas corak. Tapi harga macam itu. Kalau kemeja memang murah sikit sebab size 2 [dua] meter. *Depends* [bergantung] macam itu.

**NF: Dalam hendak menyiapkan sehelai batik ambil masa lama tak [tidak]? Proses menyiapkannya?**

THK: Dia sistem dalam bengkel saya ni [ini] hari-hari maknanya satu bahagian canting, dia mencanting sahaja. Dia mengikut bahagian masing-masing? [ditanya oleh penemuramah] Ya, ikut bahagian masing- masing. Yang canting, canting. *The last day* [hari terakhir] dorang [mereka] mewarnakan. Tapi *production* [produksi] kita lebih kurang 50 [lima puluh] pasang 1[satu] hari. Itu purata. Musim baju banyak lagi keluar mungkin orang lain lebih lagi. (Kerani hidang minum petang).

**NF: Corak yang paling digemari oleh pelanggan? Yang sering menjadi tumpuan?**

THK: Corak macam ni [ini] sebenarnya mengikut trend, jadi siapa yang tak nak [tidak mahu] ikut trend tidak dapat pasaran. Kena ikut *trend* [ gaya masa kini] , kita sekarang dalam *magazine* [majalah], internet macam-macam orang buat *online business* [perniagaan atas talian], situ kita boleh tengok mana yang menarik, jadi di situlah kita buat *design* [reka bentuk]. Kita kena ikut masa, orang guna *online business* [perniagaan atas talian] barulah kita tidak ketinggalan.

**NF:Adakah batik perlu penjagaan yang rapi dan teliti untuk mengelak dari rosak?macam corak rosak? Penjagaan batik itu bagaimana?**

THK: Maksud selepas siap? (Mengangguk). Selepas siap memang iye [ya] . *You* [awak] jaga. saya mengesyorkan batik ini basuh *and then* [selepas itu] nak [hendak] jemur panas, matahari tidak mengapa. Tapi jangan basuh dengan mengandugi klorin Macam *you* [awak] guna *Clorox* [peluntur], *toner* [warna], sensitif dengan klorin. *You* [awak] boleh basuh dengan sabun tapi sabun yang mengandugi bahan klorin itu yang mematikan warna.

### **BAHAGIAN 3 : ANUGERAH YANG DIMENANGI**

**NF : Soalan seterusnya adakah tuan haji pernah memenangi anugerah batik Malaysia?**

THK : Takda apa ni [ini] saya hanya --setakat -- apa ni [ini] dalam kategori dalam apa dia [mereka] panggil tokoh kraf la.tapi [tetapi] dalam apa dia [mereka] panggil dalam pilihan tapi [tetapi] tak [tidak] sampai lagi pada yang pilih sebagai tokoh kraf . (bunyi kenderan)

**Dari mana tuan haji mendapat inspirasi atau idea untuk mencorak batik ini?contohnya mengikut trend atau bagaimana?**

THK : Sekarang ni [ini] saya dah tak [tidak] buat dah *design* [rekaan] apa semua ni [ini] cumanya kita bagi idea bila [apabila] kita berbincang dengan artist *artist* [pelukis] kita bagaimana corak yang boleh apa tu [itu] mampu bersaing dalam pasaran yang mampu menarik minat .Jadi kalau kita tengok tu [itu] benda itu menarik *design* [rekaan] yang kita buat tu [itu] menarik ataupun kita nak [hendak] buat perubahan supaya benda tu [itu]



menarik lagi dari situlah kita *discuss* [berbincang] kita tengoklah yang kesesuaian corak – corak .

**Saya nak tahu tadi tuan haji ada kata tersenarai dalam tokoh kraf dan boleh tahu tak apakah kelayakan yang menyebabkan tuan haji tu tercalon dalam tokoh kraf itu?**

THK :Sebenarnya macam ni [ini] saya -- pada awalnya saya tidak -- dalam bidang batik bidang lukis ni [ini] saya tidak terlibat saya masa dulu masa zaman saya adalah zaman batik kraf ni [ini] cop batik cop dan batik screen [skrin] jadi masa tu [itu] batik cop ni [ini] dah [sudah] ramai dah pembuat-pembuat pasal batik memang banyak masa tu [itu] tahun 70-an 60-an jadi orang-orang yang buat -- blok besi ini ramai dah ada .Jadi bapak saya kata orang yang buat screen [*skrin*] ini tidak ada nak [hendak] melukiskan *screen* [skrin] tidak ada jadi saya ambik [mengambil] bahagian tu [itu] bahagian lukis di atas pemedang berukuran 2 [dua] meter kali dengan 45[empat puluh lima] inci lebar kain jadi saya lukis kain sarung untuk batik *screen* [skrin] jadi siang dan malam saya melukis sebab apa saya kata siang dan malam tadi batik screen ni [ini] kalau you [kamu] kata nak [hendak] buat 3 [tiga] warna 4 [empat] warna satu-satu blok kena makan masa lebih kurang 1 [satu] bulan nak [hendak] siap bukan sedikit masa lama nak [hendak] buat blok tadi yang berukuran 2 [dua] meter kali dengan 45 [empat puluh lima] inci nak [hendak] boleh siap tu [itu] you [kamu] tawla [tahula] batik sarung macamana kan batik sarung ni [ini] . Jadi bila [apabila] disitu saya belajar saya belajar cara bagaimana penggunaan -- . Taw [tahu] tak?-- kalau tanya di UITM [Universiti Teknologi Mara] adalah portal -- apa ni [ini] jadi saya belajar buat filem buat lukis atas *tracing film* [filem tracing] semua sekali sehingga saya boleh buat ...

macam-macam. cepat dapat dengan tu [itu] .Jadi saya *develop* [menerapkan] benda ni [ini] tapi [tetapi] sekarang ni [ini] nak [hendak] buat [membuat] *screen* [skrin] ni [ini] tak [tidak] payah lukis dah, *computer* [komputer] ada tapi [tetapi] saya tak [tidak] sempatla nak [hendak] guna mata pun dah [sudah] rabun dah [sudah] tak [tidak] boleh buat dah. Jadi memang buat [membuat] dengan cara apa ni [ini] bantuan *computer* [komputer] ni [ini] boleh siap dalam seminggu ja [sahaja] design-design [rekaan-rekaan] mungkin 3 [tiga] ke 4 [empat] hari boleh siap dah, boleh *expose* [perkenalkan] dia boleh *transfer* [ pindah] *design* [rekaan] di atas *screen* [skrin] dengan cepat lagi benda tu [itu] akan cantik lagi comel .Jadi kemahiran saya adalah bertumpu kepada reka corak batik sarung diatas skrin (yang tu la melayakkan tercalon) ya dan banyak-banyak lagi lah dalam perwarnaannya sebab saya pada tahun 1977 [tujuh puluh tujuh] saya sebagai pembekal ,pedegar -- pewarna daripada BASF Germany [ *DASF Jerman*] mereka ni [ini] -- membuat tawaran kepada saya untuk belajar di Germany [Jerman] dalam bidang pewarnaan yang mana tidak terlibat dengan batik warna-warna ni [ini] warna tekstil ni [ini] tidak terlibat dengan batik maknanya kursus ini tak ada [tiada] batik la tekstil *hundred percent* [seratus peratus] tekstil tapi [tetapi] *silk printing* [ sutera cetak] ada jadi saya belajar kat [dekat] sana dalam masa lebih kurang 2 [dua] tahun tahun 1977 [tujuh puluh tujuh] dengan tahun 1979 [tujuh puluh sembilan] *short term* [jangka pendek] la dalam sebulan lebih ke 2 [dua] bulan satu satu peringkat tu [itu] . Jadi saya belajar pewarnaan ni [ini] saya belajar jadi saya tidak nak [hendak] orang kata menonjol la benda –benda hal-hal warna ni [ini] sebab harini saya tengok macam kelam - kabut jadi dengan warnan ni [ini] (ketawa ) macam saya kata tidak bercampur sebab saya bukan orang yang ada *degree* [ijazah] tapi [tetapi] memang saya tahu dalam pewarnaan ini *you* [kamu] sebut saja apa-apa dia *material* [bahan] *you* [kamu] nak [hendak] ...

*print* [cetak] apa *you* [kamu] nak [hendak] *print* [cetak] atas kain -- ke nak [hendak] guna warna apa-apa dia [warna] *pigmen* [warna pigmen] , apa dia -- apa dia -- apa dia -- ,apa dia *naktur* [warna pigmen] apa dia *reacting* [ tindak balas] dak [tidak] ?Jenama saja [sahaja] tu [itu] macam *universal* [menyeluruh] tapi [tetapi] dia [kain] adalah -- *.reactive*[tindak balas] pulak berapa jenis dia ada (ketawa) banyak yang *you* [kamu] sebut *ripasour* [ripasour] banyak lagi dia [rekaan] punya apa ni [ini] jenis dia tadi jenis *deactive* [*tidak aktif*] berapa jenis pulak dia ada yang *you* [kamu] sebut – ni [ini] banyak lagi dia punya apa ni [ini] jenis dia tadi jenis yang untuk – kita ambil ala kadar ambil buat kerja yang tak [tidak] tahu apa tapi [tetapi] boleh buat bukan tak [tidak] boleh buat tu [itu] sajalah .

**Yang tuan haji tercalon sebagai anugerah ini pada tahun berapa sebagai tokoh kraf ini?**

Dalam diantara tahun 2000 [dua ribu] keatas.

**Selain tersenarai dalam anugerah ini tuan haji ada tak memenagi anugerah lain?**

Takda [tiada] .Saya masa [semasa] remaja saya tahun 70-an. Emm saya buat reka corak dengan apa- apa ni [ini] negara apa ni [ini] pertandingan peringkat apa ni [ini] Kuala Lumpur ni [ini] reka corak batik . Jadi saya buat [membuat] diatas kertas dan kita buat 1[satu] helai kain sarung saya dapat tempat 3[ketiga] .Jadi masa [semasa] tu [itu] bapa saudara saya dapat tempat yang pertama di Balai Seni Lukis Negara. *English*[Inggeris] la-- dalam Balai Seni Lukis Negara tahun 70-an .

## TAMAT BAHAGIAN 1

### **KASET B BAHAGIAN 2 : MENGENAI STAFF ,TEMPAHAN DI SAMASA BATIK ,PENGALAMAN BELIAU, DAN NASIHAT .**

#### **BAHAGIAN 4 :STAFF DI SAMASA BATIK**

**NF: Berapa orang staff yang ada? Kelulusan staff? Ada bengkel untuk belajar mencanting mencorak batik?**

THK: Dulu memang ada.Dulu memang Universiti Teknologi Mara Shah Alam.Masa itu zaman remaja saya. Memang ramai sangat yang tawar bekerja. Dengan rangkaian televisyen Malaysia. Masa praktikal itu dia ambil 4 [empat], 5 [lima] hari, 2 [dua] minggu belajar macam-macam cara buat batik bersama dengan saya. Masa remaja saya. Yang soalnya hendak buat latihan, buat belajar, saya rasa benda ini kalau buat cara bertanya mungkin boleh begitu. Tapi kalau hari ini kita ada kraftangan. Perbadanan kraftangan. Tak [tidak] kurang dia punya latihan dia punya pengalaman. Sebab saya bersama-sama dengan Kraftangan Kelantan ini membina kraftangan. Orang kata barang itu dari A sampai Z kita bantu, kraftangan ini mengadakannya. Sebab ada duit. Tidak sama dengan kita. So [jadi] kita suruh beli itu ini untuk *test color* [uji warna] ke ape semua ada di kraftangan, jadi nak belajar itu belajar di kraftangana tapi sambil-sambil nak tnya lebih kurang itu boleh. Nak tengok...

ke satu masa kena bagi tahu. Sebab nak duduk buat praktikal itu susah sikit. Sebab kita *production* [produksi]. Tak dan nak [tidak sempat] pantau *student* [pelajar] ini. Tak sempat nak *introduce student* [berkenalan dengan pelajar]. Jadi kalau mari tak puas hati ke macam mana. [jadi tidak berpuas hati]. Tapi kalau setakat mari tengok itu inshaALLAH.

**NF: Kalau orang luar hendak datang melawat SAMASA batik dibenarkan?**

THK: Boleh.

**NF: Sekarang di SAMASA batik ada ramai staff ? Ada berapa orang staff?**

THK: Kita ada 2 [dua], 3 [tiga] tempat tidak setempat SAMASA ini. Ada satu di dekat Pasir Putih Kampung Beoh. *And then* [selepas itu] di sini kita ada tiga [3] tempat, di sini jadi kita bahagian batik terap seorang jaga. Batik lukis ada 2 [dua] tempat.

**NF: Jadi staff yang hendak bekerja di SAMASA batik perlu kelulusan apa-apa? Macam bidang batik juga?**

THK: Dalam pentadbiran kita tidak ada masalah. Cuma dalam bidang mencanting dia kena mahir. Atau dia pencanting ada kemahiran tertentu dia ada reka corak sendiri. Idea dia sendiri. Dia kena berbeza. Pencanting yang sedia ada pencanting yang baru ini idea dia bagaimana tentulah idea dia lain adakah idea dia bleh mambantu syarikat di pasaran.

**NF: SAMASA batik dibuka hari apa? Pukul berapa? Waktu beroperasi?**

THK: Biasa *standard* [biasa] dalam pukul 9 [sembilan] pagi sampai ke pukul 5 [lima] .  
*Office hour* [waktu pejabat]

**NF: di SAMASA batik ada ciri keselamatan yang dititik beratkan?**

THK: Tidak ada. Cuma menjadi masalah kalau industri batik ini kalau *you* [awak] pergi bengkel-bengkel yang buat kerja sikit-sikit maknanya tiada masalah. Tapi kalau *you* [awak] pergi bengkel saya yang buat kerja dengan warna yang tebal itu memang tidak dinafikan memang kotor. Tapi kalau *you* [awak] pergi bengkel-bengkel yang buat 2 [dua], 3 [tiga] pasang dengan warna *pastel colour* [warna pastel] tak ada [tiada] kotor sangat. Tapi kalau bengkel tempat saya memang guna warna yang tebal. *Black* [hitam] ke *dark blue* [hitam pekat] Tapi kalau guna warna yang nipis tak ada [tiada] masalah. Ini bila *You* [awak] ada sebut tadi .Kita masalah dengan alam sekitar kita sedang cari jalan, jalan bagaimana kita nak mengatasi masalah ini untuk buat olahan air sisa kumbahan dari bengkel batik yang ini yang saya sedang buat rundingan untuk pembatik, bukan untuk saya, saya sebagai Yang -dipertua persatuan minta dengan kerajaan untk mambantu pembantik buat sisa kumbahan.

**NF: Pernah tidak terjadi idea dari SAMASA batik di tiru oleh agensi lain/copyright (hakcipta)?**

THK: Memang ada. Dia satu contoh yang boleh ambil ialah *goldline* [garis matlamat]. Jadi saya cuba...

cari kelainan dari orang lain. Dah orang tiru itu rezeki masing-masing. Apa boleh buat. Tapi sorang ikut *trend* [gaya kini] buat macam ini, ini macam ini ada juga kita ikut *trend* [gaya kini]. Dari *customer* [pelanggan] minta idea apa.

#### **BAHAGIAN 5 : TEMPAHAN**

**Soalan seterusnya adalah mengenai tempahan di Samasa Batik, adakah Samasa Batik menerima tempahan batik uniform ataupun menerima tempahan mengikut kehendak pelanggan ?**

THK :Ada, memang ada, mengikut pada musim sekarang saya sedang berurusan dengan Universiti Tun Hussien Onn untuk buat [membuat] tempahan . Cuma kita dah [sudah] apa tu [itu] oleh kerana bincang balik dia *open tender* [ usul terbuka] kerana apa ni [ini] harga-harga kain ini [kain] *raw material* [bahan kasar] naik. Jadi kalau kita terima jugak dengan harga lama maknanya kita tak [tidak] boleh buat kerja .Rugi la. *So* [jadi] kita mintak *retender* [usul semula] sebab kos tu [itu] naik ,berlaku macam –macam tapi [tetapi] yang sayangnya kadang –kadang benda ini sekarang saya tengok ni [ini] ramai yang sekolah atau sebagainya beli kain tekstil .Betul tak? Murah dan banyak dalam pasaran dan *design* [rekaan] yang sama dan ada berapa ribu meter yang nak ada betul tak [tidak] ? Tapi [tetapi] kita tak [tidak] boleh buat macamtu la .Sebab kita batik ni [ini] you [kamu] kena faham jugak batik ni [ini] hanya boleh dibuat dengan *natural fibre* [bahan asli] sahaja. Makna kata *cotton* [kapas] .Sutera yang ini sahaja yang kita boleh buat dengan pewarna yang ada melainkan kalau nak buat *polyster* [ polister] tu [itu] kena buat cara lain tidak buat batik kena *print* [cetak] atau sebagainya .

**NF: Berapa lama masa yang diambil untuk menyiapkan satu tempahan? Adakah dalam jangka masa yang lama?**

THK: Dia [tempahan] ikut macam ni [ini] contoh kata kita punya *production* [ pengeluaran] katakanlah tempahan 500 [lima ratus] pasang contohnya , *okay* [baiklah] kita punya *production* [pengeluaran] 50 [lima puluh] pasang 1 [satu] hari .*So* [jadi],kalau 10 [sepuluh] hari 500 [lima ratus] pasang .macam itulah. Tapi kalau benda itu banyak contoh 1000 [seribu] memang mengambil masa banyak hari.Mengikut masa lah.mengikut atas kapasiti yang kita boleh keluarkan *production* [pengeluaran] .

**NF: Jika pelanggan itu ingin menempah batik ,adakah dia(pelanggan) perlu berurusan dengan Tuan Haji sendiri?**

THK: Boleh,dengan jurujual kita dia boleh berbincang. *And then* [selepas itu] kita ada dah syarat-syarat dialah walaupun dia nak [hendak] tempah dia kena *thirty percent* [tiga puluh peratus] (30%) *deposit* [bayaran pendahuluan] kain sebab kain kena beli *cash* [tunai] .Kain *cotton* [kapas] atau kain putih ni [ini] sutera atau lain-lain dia kena *advance* [pendahuluan] dulu.

**NF: adakah Tuan Haji memasarkan batik di Samasa Batik di online (atas talian )?**

THK: Ada jugak .Contoh seperti *Facebook* [muka buku].

#### **BAHAGIAN 6 PENGALAMAN ,CABARAN,PERSAINGAN**

**NF:Adakah Samasa Batik ini ada kerjasama dengan syarikat luar? Contohnya vendor [cawangan].**

THK : Setakat ini tiada lagi.



**NF: Adakah di Samasa Batik ini ada mengeluarkan batik kapas?**

THK:AdA

**NF:Mengapa batik yang diperbuat daripada kain kapas dianggap istimewa?**

THK : Dia macam ni [ini] mengikut *trend* [ gaya masa kini] .Kalau dulunya sebelum ada pelbagai jenis batik awal tahun memang batik kain kapas sebab hanya atas kain kapas sahaja yang boleh lekatkan warna .dengan -- yang kita ada. Dulunya pada tahun 40-an 50-an ni [ini] dah *tool dyes* [peralatan] dengan ansur-ansur yang guna atas *kain cotton* [kapas] ini.*So [jadi] later on* [akan datang] bila [ apabila ] melangkah tahun 70-an ,80-an ini. Kain sutera dengan sistem yang kita guna warna di atas kain kapas itulah maknanya *active dyes* [warna aktif] .Jadi sebab tu [itu] saya kata tadi batik ini diguna atas pewarna untuk nak [hendak] buat [membuat] batik ini hanya dengan *fabric* [kain] yang *natural dry* [warna asli] ataupun *natural fibre* [bahan asli] .Barulah boleh kita buat batik tadi . Kalau nak [hendak] buat atas kain *polyester* [polister] tak [tidak] boleh . Tak [tidak] lekat warna betul tak [*tidak*]?

**NF: Macam kita tahu,di Kelantan ini banyak pengusaha batik contohnya macam Nordin Batik yang paling hampir dengan Samasa Batik ini.Jadi saya nak tahu macamana Tuan Haji menghadapi persaingan itu dengan perusahaan batik yang lain ?**

THK: Macam ini akhir-akhir ini macam dulu [dahulu] pun ada jugak .Dia mengikut *design* [rekaan] orang yang berminat .Kalau kata rezeki dia *design* [rekaan] dia cantik orang akan cari dekat dia .*So [jadi] kita ini ,tiap –tiap[setiap] pembatik boleh dikatakan seluruh pembatik ni [ini] kalau dia kalau dia tidak ikut trend* [gaya masa kini] sesuatu design...

[rekaan] dia akan ketinggalan. Contohnya satu masa ,masa tu [itu] Pertandingan Piala Seri Indon tapi [tetapi] dia tidak mendapat tempat pertama .Saya lupa dah nama pemenang tu [itu] .Dia buat *design* [rekaan] tu [itu] macam ubat nyamuk . Dia Tom Abang Saufi .Berapa banyak *design* [rekaan] dia orang batik buat .Jadi benda itulah yang menjadi *simple* [mudah] tu [itu].Macam lingkaran ubat nyamuk tapi [tetapi] masa tu [itu] *everybody* [semua orang] bila [apabila] tengok nak [hendak] macam tu [itu]. Taknak yang lain itu *trend* [gaya masa kini] tapi [tetapi] sekarang ni [ini] you [kamu] buat macam tu [itu] out [*keluar*] (Ketawa) .Sekarang ni [ini] maknanya setahun dua lepas *trend* [gaya masa kini] dulu [dahulu] warna *rainbow* [pelangi] yang mempunyai macam-macam warna .Sekarang ni [ini] siapa buat *rainbow*[pelangi] out [keluar].(ketawa) sebab *season* [*musim*] tu [itu] dah habis .Dia [rekaan] kini berbalik kepada warna yang bersih tetapi kalau masa tu [itu] you [kamu] buat warna macam tu [itu] orang akan suka warna *rainbow* [pelangi] tak [tidak] laku.Tapi [tetapi] sekarang ni [ini] dia berbalik kepada warna yang sama tiada *rainbow* [pelangi]. Cuma kena mengikut corak dan selera pasaran yang diminati oleh peminat- peminat.

**NF :Kita sedia maklum ,yang tahun lepas negeri Kelantan dilanda banjir yang besar,adakah ini[banjir] menjejaskan perniagaan ataupun pengeluaran batik di Samasa batik ini?**

THK: (bunyi kenderaan) .Kilang saya Alhamdulillah tidaklah kena banjir ,sebab tempat yang tinggi so[jadi] walaupun macamanapun pada keseluruhannaya saya sebagai Yang Dipertua Batik memang batik pada tahun ni [ini] *drop* [jatuh] .Banyak perkara yang tidak berkait dengan politik , kesan daripada banjir kita tidak dapat buat batik lagi . Bengkel-bengkel...

habis rosak .Yang kedua ,nilai ringgit kita jatuh ,bila [apabila] nilai ringgit kita jatuh bahan-bahan mentah yang diimport *so* [jadi] masyarakat pada hari ini pun kekurangan duit jadi mereka tertumpu pada [kepada] yang lain .*So [jadi]* bila kita buat jualan akan jatuh merundum.

**NF:Pengalaman Tuan Haji sendiri sebagai contoh kenangan pahit dan manis sepanjang menjalankan perniagaan ini?**

THK: (ketawa) Yang pahitnya adalah bila [apabila] tidak ada batik macam sekarang .*Very slow* [sangat perlahan] penjualan yang *slow* [perlahan] .Yang manis tu [itu] bila [apabila] batik ni [ini] you [kamu] buat macammana pun katakan corak tadi seperti ubat nyamuk tadi buat dengan kaki pun orang kata akan laku .Masa itu cukup-cukup seronok. Kalau diberi satu masa di kampung-kampung *you* [kamu] tengok macam pesta . Pencanting itu dok [sedang] mencanting batik sampaikan satu masa tu [itu] orang jual ayam dia tukar kepada bidang buat [membuat] batik .Dia kata ayam yang dia dok [sedang] buat ni [ini] beberapa puluh ekor berat sangat ,batik ni [ini] dia buat 2 [dua] atau 3[tiga] pasang keuntungan lebih dari yang dia jual ayam .

Pada masa tu [*itu*] .Jadi dia berseronoklah tetapi bila musim yang kena perah otak itulah yang menjadi masalahnya.Ramai yang tidak mahu perah otak hanya tunggu macammana *design*[rekaan] ni [ini] keluar. Apa pulak *design* [rekaan] yang keluar selepas ini .Tetapi adalah reka sikit-sikit .Jadi bila [apabila] *trend* [gaya masa kini] nampaknya pergi kepada corak-corak jubah dan macam-macam.

## BAHAGIAN 7 :MASA DEPAN DAN NASIHAT

**NF: Perancangan pada masa hadapan, contohnya macam siapa yang akan meneruskan perusahaan pada masa hadapan?**

THK: Soalan itu bagus, tapi saya sebab keluarga, tapi dalam anak-anak saya sendiri dah tiada. Lari bidang tapi ramai lagi anak sedara yang masih buat, memang ada penerusnya. Cuma mungkin di sini peranan kerajaan yang boleh membantu industri jadi inilah rasanya nak [hendak] menekankan, menghidupkan industri orang melayu ini, batik ini kerajaan mainkan peranan bukan bagi saya jadi mungkin orang batik lain rasa, pendapat saya berbeza, sebab batik tetap batik tapi kalau *you* [awak] tengok keseluruhannya, tapi orang tak [tidak] nampak apa saya nak cerita ini, orang tengok batik ini di lukis begitu tapi dari sudut perniagaan banyak batik-batik kita orang lain buat. Buat tiru tekstil *why not* [kenapa tidak] kerajaan bantu kita, kita buat tekstil batik tetap batik boleh teruskan tak ada [tiada] masalah. Kita ambil kesempatan tadi orang melayu yang *student* [pelajar] ramai daripada Universiti Teknologi Mara ke *whatever* [apa saja] yang boleh masuk bidang ini, bidang tekstil. Tapi orang tidak nampak perkara ini sebab kosnya tinggi nak beli mesin, bila kita sebut ini apa besar sangat harganya berjuta-juta bila orang melayu sebut macam ini orang tak [tidak] nampak tapi orang cina bangsa lain bukan melayu ini dah lama perkara ini dah *establish* [kukuh] dengan tekstil. Dia buat berjuta-juta tapi kita masih bangga dengan batik ini tapi hasilnya ke mana, dimana orang melayu. Sampai masanya kita nak [mahu] benda ini dibantu dengan keadaan yang moden. Mesin-mesin yang boleh bantu kita *and then* [kemudian] satu induk kilang tekstil yg kelilingnya batik-batik tradisional. kalau *you*[awak] tengok batik hari ini tidak ada *finishing* [pengakhiran]. Kalau saya buat sendiri pon tak ada [juga tiada]

*finishing* [pengakhiran] maksudnya kalau *you* [awak] tengok dalam kilang tekstil tengok kain-kain tekstil semua sama kalau letak 45[empat puluh lima] inci daripada 1 [satu] meter sehingaa 1000 [seribu] meter, 45 [empat puluh lima] inci sama dalam 1 [satu] *role* [gulungan]. Kalau batik kalau *you* [awak] nak [hendak] *role* [gulungan] begitu ada keluar 45 [empat puluh lima] , 30 [tiga puluh] dia punya *size* [ukuran] itu tidak sama sebab semua ini perlu mesin untuk membantu. Nak *eksport* [menghantar] ke apa. Bila orang tengok benda itu tiada kelas bagi saya. Tapi kita jual juga batik nak hidup dengan batik. Tapi benda ini kalau *compare* [banding] dengan tekstil jauh sangat beza. Tekstil ini ada *finish* [penamat] dia macam-macam. Macam-macam yang boleh bantu kepada batik. Kalau kita ada sebuah kilang yang canggih.

**NF: Adakah Tuan haji terpikir mengkomersialkan perniagaan batik ini ke luar Negara contoh Singapura atau Indonesia?**

THK: Kita boleh pergi. Tiada masalah tapi adakah persediaan kita. Macam saya kata tadi bila *you* [awak] nak --. contoh satu masa saya pergi *shortcourse* [kursus pendek] di Jerman saya nak pasarkan, masa itu popular *red round skirt* [rekaan] saya pergi ke pasaraya dia, nama CNA [nama pasaraya] di semua ada, *very popular* [sangat terkenal]. Saya pergi dengan orang Jerman bawa saya. Masa itu memang dia panggil model dia tujuk pakai dia. suka sangat suka. Memang cantik. Tidak dinafikan. Tapi dia tanya saya boleh ke *you* [awak] keluarkan benda ini, saya kata boleh masa itu kita buat jahitan ini kampung. Di kampung-kampung. Dia kata saya perlu -- walaupun *you* [awak] kata tidak cantik jahitan ini saya nak sama kalau 1000 [seribu] saya *order* [pesanan] mesti sama macam ini. *You*[awak] fikirkan...

buat tangan, nak sama. *And then* [kemudian] satu lagi dia tanya kain ini *fabric* [kain] ini *you* [awak] kata B *gred* [tahap] tapi saya nak *material* [bahan] ini sama. 1000 [Seribu] *pieces* [keping] sama *material* [bahan] ini. Saya beli di Thailand, beli di Singapore. Tapi *material* [bahan] tidak sama jadi saya terus kena *reject* [tolak] .Jadi benda begini masalah kepada kita kalau nak [hendak] pergi ke bidang eksport kena betulkan dulu benda ini barulah boleh masuk. Tapi sekadar untuk buat batik biasa jual *locally* [dalam Negara] dorang [mereka] hantar sikit-sikit ke luar negara itu terpulang. Kalau betul-betul nak buat macam tekstil, ini bukan saya bincang saya, biasa ini saya bincang dengan datuk --. Tekstil pembekal warna di Germany.

**NF: Bagaimana Tuan haji memastikan pelancong luar datang ke kelantan ini untuk memastikan SAMASA batik dikenali? Mungkin ada iklan?**

THK: Dia macam ini. Saya berkecimpung dalam batik ini berpuluh tahun. Tapi sekarang ini sebab saya kata tadi kerajaan kena bantuan. Kena tengok batik-batik ini sudah tidak sesuai duduk di sekitar rumah kena di satu tempatkan satu pengawasan yang bagus boleh buat sistem alam sekitar boleh terima. Baru boleh nampak benda ini satu transformasi. Kalau setakat ini itu jelah, nak apa saya iklan saya malu nak iklan orang mari tengok macam nie lah [begitu sahaja]. Macam ini industri batik *you* [awak] nak iklan. Tempat saya ini *sorry* [maaf] tempat lama tahun 40-an lagi *establish* [ditubuhkan]. Kalau tengok dia punya size lama sangat. Kerajaan kena bantu sebab kita nak buat sendiri tidak mampu. Kos yang tinggi.

**NF: Nasihat Tuan haji kepada sesiapa yg berminat masuk dalam bidang perniagaan ini? Dan tips atau petua yg boleh dikongsikan dalam bidang keusahawann batik ini?**

THK: Dia macam ini. Bila masuk bidang batik ini kena tahu pentingnya reka corak, minat, suka dengan sanggup bersaing sebabnya kalau *you* [awak] tak [tidak] sanggup bersaing memang *out* [keluar dari bidang ini] Orang kata mengaju [merajuk] taknak [tidak mahu] buat sebab orang tiru design dia. *Out* [keluar] lah. Mahu bersaing mahu boleh terima cabaran. Baru boleh duduk dalam usahawan ini. orang tiru, bukan tidak tiru.

NF : Demikian tadi temubual mengenai latar belakang ,anugerah dan sumbangan Tuan Haji Kamaruzzaman Bin Haji Mohd Salleh sehingga tercalon sebagai anugerah tokoh batik di Kelantan. Kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian beliau dalam memberikan maklumat mengenai peristiwa yang berlaku .Semoga hasil rakaman ini akan memberi manfaat kepada pendengar,penyelidik dan generasi akan datang.Sekian.

TAMAT BAHAGIAN 2

# RUJUKAN



Hazlan, H. (2014, July 7). *Batik malaysia*. Retrieved October 6, 2015, from <https://prezi.com/635ciplw1x0i/batik-malaysia/>

*Samasa Batik*. (2010, June 7). Retrieved October 6, 2015, from <http://samasabatek.blogspot.my/>

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Nik Faridah Binti Azuddin dan Nurul Atikah Bt Mohd Fauzi menemubual Tuan Haji Kamaruzzaman Bin Salleh yang dilahirkan pada tahun 1988. Temubual dijalankan di perusahaan beliau di Pencakimia Sdn Bhd, Kelantan mengenai latar belakang beliau sehingga pengalaman beliau sehingga tercalon dalam Anugerah Tokoh Kraf bermula tahun 2000.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
0.43	Bercerita mengenai latar belakang tuan haji	Kamarulzaman bin haji mohd salleh
1.20	Pendidikan tuan haji	Sultan Ismail College
1.59	Waris warisan SAMASA	Syarikat Mohamad Salleh
2.47	Mengenai cawangan SAMASA	Jalan lorong gajah mati
3.00	Sejarah penubuhan SAMASA	Mohd Yusof Company
8.46	Waktu berkelapangan/hobi	Dewan Perniagaan Melayu Malaysia

12.02	Cita-cita Tuan Haji	P.Ramlee (perfileman)
<b>BAHAGIAN 2 : JENIS DAN KAEDAH PENGENDALIAN BATIK</b>		
00.03	Jenis kain, kaedah pengendalian, diimport	Jepun dan indonesia
07.50	Harga batik	SAMASA batik
08.40	Tempoh menyiapkan batik	SAMASA batik
09.50	Corak digemari pelanggan	SAMASA batik
10.47	Teknik penjagaan batik	SAMASA batik
<b>BAHAGIAN 3: PENCAPAIAN DAN ANUGERAH</b>		
0.11	Memberitahu tercalon dalam anugerah tokoh kraf 2000 dan keatas	Tuan haji Kamaruzzaman
0.54	Memberitahu inspirasi idea untuk mecorak batik	Tuan haji Kamaruzzaman

01.53	Menceritakan kelayakan tercalon di dalam anugerah tokoh kraf 2000 dan keatas	Tuan Haji Yusob bin Hanapiah
05.13	Memberitahu sebagai pengedar dan pembekal warna BASF Germany	Tuan haji Kamaruzzaman
07.31	Memberitahu tahun pencalonan sebagai anugerah tokoh kraf	Tuan haji Kamaruzzaman
07.45	Memberitahu anugerah lain yang dimenangi	Tuan haji Kamaruzzaman
<b>BAHAGIAN 4 : MENGENAI STAFF</b>		
00.08	Mengenai staff	SAMASA batik
04.43	Waktu operasi	SAMASA batik
05.03	Ciri keselamatan	SAMASA batik

06.59	Idea ditiru orang lain	SAMASA batik
BAHAGIAN 5 : TEMPAHAN BATIK DI SAMASA BATIK		
0.16	Memberitahu Samasa Batik menerima tempahan dari pelanggan	Tuan haji Kamaruzzaman
0.28	Memberitahu sedang berurusan Universiti Tun Hussien Onn	Universiti Tun Hussien Onn
1.11	Menyatakan masalah rekaan tiruan batik	Tuan Haji Kamaruzzaman
02.06	Tempoh persiapan tempahan oleh pelanggan	Tuan Haji Kamaruzzaman
02.55	Memberitahu boleh berurusan dengan beliau atau jurujual untuk tempahan	Tuan Haji Kamaruzzaman
03.00	Menyatakan terdapat syarat-syarat untuk membuat tempahan	Tuan Haji Kamaruzzaman

03.26	Memberitahu turut menjual batik secara atas talian	Tuan Haji Kamaruzzaman
BAHAGIAN 6 : PENGALAMAN DAN PERSAINGAN		
0.04	Menanyakan jika Samasa Batik ada membuka vendor di tempat lain	Nik Faridah Azuddin
0.41	Menanyakan keistimewaan kain kapas	Nik Faridah Azuddin
0.46	Menyatakan keistimewaan batik yang diperbuat dari kain kapas	Tuan Haji Kamaruzzaman
02.18	Cara menghadapi persaingan pengusaha batik yang lain	Tuan Haji Kamaruzzaman
02.55	Menceritakan kisah pemenang Piala Anugerah Sri Indon	Tom Abang Saufi
05.05	Menceritakan kesan akibat banjir besar 2014	Tuan Haji Kamaruzzaman

05.34	Memberitahu kesan daripada kejatuhan nilai wang	Tuan Haji Kamaruzzaman
06.15	Menceritakan mengenai kenangan pahit	Tuan Haji Kamaruzzaman
06.26	Menceritakan mengenai kenangan manis	Tuan Haji Kamaruzzaman
<b>BAHAGIAN 7 : PERANCANGAN MASA HADAPAN</b>		
00.03	waris SAMASA batik	SAMASA batik
04.30	Komersialkan batik	German
09.09	Petua dan nasihat	SAMASA batik



## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
4.00ptg – 7.00 ptg	05 Oktober 2015	Membuat kajian mengenai tokoh di Kelantan	Pilih tokoh untk ditemubual
11.00pg - 12.00pg	06 Oktober 2015	Menyenaraikan nama-nama tokoh a) Pengusaha dan pemilik D'Apple Sdn Bhd b) Pengusaha dan Pemilik Nordin Batik c) Pengusaha dan pemilik Samasa Batik Tuan Haji Kamaruzzaman Bin Salleh  Mencari maklumat berkaitan tokoh yang dipilih melalui internet.	Pilih satu tokoh sahaja
9.00pg - 11.00pg	07 Oktober 2015	Berbincang dengan pensyarah mengenai tokoh yang perlu dipilih	Mendapat persetujuan pensyarah
4.00ptg – 4.15ptg	09 Oktober 2015	Memilih Tuan Haji Kamaruzzaman Bin Salleh atas sebab tokoh yang disenarai agak sibuk .	Dapatkan persetujuan
10.00pg- 10.30pg	11 Oktober 2015	Menelefon Tuan Haji Kamaruzzaman untuk bertanya jika berkelapangan	Membuat temujanji
11.00 pg – 4.00 ptg	16 Oktober 2015	Membuat soalan berdasarkan batik ,latar belakang dan perusahaan beliau	Latar belakang,pendidikan ,perusahaan dan nasihat
2.00ptg– 2.15ptg	26 Oktober 2015	Mendapat surat kebenaran dan surat perjanjian tokoh dan ditandatangani oleh Ketua Pusat Pengajian	Surat ditandatangani oleh Ketua Pusat Pengajian

3.00ptg -3.15 ptg	29 Oktober 2015	Menelefon Tuan Haji Kamaruzzaman untuk mengingatkan beliau akan tarikh perjumpaan kelak.	Menyatakan masa beliau berkelapangan
2.00ptg-3.35 ptg	2 November 2015	Perjumpaan di perusahaan beliau di Kota Bharu Kelantan	Proses wawancara berlangsung

### **Senarai soalan**

NIK FARIDAH BINTI AZUDDIN (2014868974) & NURUL ATIKAH BINTI MOHD FAUZI (2014866786)

IM245 5A

Nama Tokoh : TUAN HAJI KAMARUZZAMAN BIN HAJI MOHD SALLEH (Pengusaha SAMASA BATIK)

Bidang : Perusahaan Batik

### **Latar belakang dan keluarga**

1. Boleh tuan haji berkongsi mengenai latar belakang tuan haji seperti nama penuh umur dan sebagainya?
2. Apakah nama timangan tuan haji?
3. Berapa orang anak tuan haji?
4. Berapa orang anak tuan haji yang telah berkahwin?
5. Adakah kesemua anak-anak tuan haji sudah bekerja?
6. Jika berkelapangan,apakah aktiviti yang tuan haji lakukan?
7. Berapa orangkah adik beradik tuan haji?
8. Adakah anak –anak tuan haji yang berkecimpung dalam bidang perusahaan?
9. Apakah pekerjaan anak-anak tuan haji?
10. Apakah rahsia tuan haji mendidik anak-anak sehingga Berjaya?
11. Adakah tuan haji mengalakkan anak-anak tuan haji supaya terlibat dalam bidang perusahaan ini?
12. Berapa tahunkah tuan haji berkecimpung dalam perusahaan Samasa Batik ini?
13. Adakah isteri tuan haji turut membantu dalam perusahaan ini?
14. Adakah anak-anak tuan haji yang menunjukkan minat dalam bidang perusahaan batik ini?
15. Adakah isteri tuan haji bekerja ?
16. Adakah tuan haji seorang yang diwariskan untuk mengambil alih perusahaan arwah bapa tuan haji?
17. Apakah cita-cita tuan haji sekiranya tidak terlibat dalam bidang perusahaan ini?
18. Kenapa maklumat mengenai tuan haji sukar didapati di media sosial?
19. Bagaimana tuan haji membahagi masa antara keluarga dan perniagaan?

20. Adakah tuan haji telah didedahkan dengan perusahaan ini sejak di bangku sekolah lagi?
21. Adakah rumah tuan haji ini berdekatan dengan kilang perusahaan Samasa Batik ini?
22. Adakah maklumat mengenai tuan haji dibukukan?
23. Sekiranya tuan haji tidak terlibat dalam bidang batik,apakah kerjaya yang akan tuan haji ceburi?

### **Sejarah pendidikan**

24. Bolehkan tuan haji berkongsi mengenai sejarah pendidikan tuan haji?
25. Apakah nama sekolah rendah tuan haji?
26. Apakah nama sekolah menengah tuan haji?
27. Adakah tuan haji memenangi anugerah semasa di peringkat sekolah?
28. Adakah tuan haji ada memegang jawatan semasa di sekolah?
29. Adakah tuan haji pernah melanjutkan pelajaran ke luar negara?
30. Jika ada,apakah bidang pelajaran itu?
31. Apakah matapelajaran yang diminati oleh tuan haji semasa zaman sekolah?

### **Pencapaian**

32. Siapakah yang memberi anugerah tokoh kraftangan 2015 pada tuan haji?
33. Apakah kelayakan yang menyebabkan tuan haji dianugerahkan sebagai anugerah tokoh batik 2015?
34. Apakah rahsia tuan haji sehingga mencapai anugerah ini?
35. Selain anugerah tokoh kraftangan 2015, adakah tuan haji memenangi anugerah yang lain?
36. Adakah tuan haji terlibat dalam bidang selain bidang perniagaan ini?
37. Adakah tuan haji terlibat dalam persatuan batik di Malaysia?
38. Apakah jawatan yang disandang oleh tuan haji dalam persatuan itu?
39. Apakah tuan haji terlibat dalam apa-apa sukarelawan?

### **Latar belakang Samasa batik**

40. Sudah berapa tahunkah Samasa Batik ini beroperasi?
41. Adakah tanah untuk membangunkan Samasa batik ini tanah sendiri atau sewa?

42. Mengapakah perusahan ini diberi nama Samasa Batik?
43. Terdapat berapa orang pekerja di samasa batik ini?
44. Adakah semua pekerja di Samasa Batik ini diberikan kursus sebelum bekerja di Samasa Batik?
45. Apakah kelulusan staf untuk bekerja di Samasa Batik ini?
46. Adakah staf di sini mendapat insuran perlindungan sekiranya ditimpa musibah?
47. Adakah perusahaan batik yang tuan haji jalankan mempunyai cawangan di kawasan lain?
48. Samasa Batik ini dibuka pada hari apa dan pukul berapa mula beroperasi?
49. Pengunjung ramai datang ke Samasa Batik ini pada waktu bilakah?
50. Berapakah kos penyelenggaraan Samasa Batik ini setiap bulan?
51. Adakah samasa batik ini mempunyai akaun media social seperti contoh Facebook, Instagram dan Twitter?
52. Adakah pelanggan boleh membuat tempahan batik secara online?
53. Adakah tuan haji membenarkan sekiranya pengunjung ingin melihat sendiri proses mencanting batik ini?
54. Adakah Samasa ini berkolaborasi dengan syarikat-syarikat yang lain?
55. Apakah ciri keselamatan yang dititikberatkan dalam samasa batik ini?
56. Jika pelanggan ingin menempah batik adakah perlu berurusan dengan Tuan Haji sendiri?
57. Adakah Samasa Batik ini mempunyai cawangan lain?

#### **Batik di samasa batik**

58. Terdapat berapa jenis corak batik yang terdapat di samasa batik ini?
59. Jika dilihat terdapat sesetengah perusahaan batik menggunakan lilin dalam membatik, adakah Samasa Batik menggunakan lilin sebagai alat membatik?
60. Apa fungsi lilin dalam membatik?
61. Adakah Samasa Batik menerima tempahan mengikut corak yang disukai pelanggan dan bagaimana dengan harganya?
62. Adakah disediakan bengkel untuk belajar membatik?
63. Bagaimanakah ingin mengetahui harga produk di Samasa Batik?
64. Bagaimanakah cara terbaik untuk mengatasi kedutan kain?
65. Mengapa orang ramai perlu memiih Samasa Batik untuk membuat tempahan atau pembelian?

66. Mengapa batik yang diperbuat dari kain kapas dianggap istimewa?
67. Adakah Samasa Batik menerima tempahan batik uniform?
68. Berapa lama masa yang diambil untuk Samasa Batik untuk menyiapkan tempahan pelanggan?
69. Adakah harga berbeza mengikut jenis kain yang digunakan?
70. Apakah corak batik yang terkenal dan sering menjadi pilihan pelanggan di samasa batik ini?
71. Kain yang digunakan diimport dari negara mana?
72. Berapa meter kain yang diperlukan dalam sebulan untuk mencanting batik ini?
73. Bagaimanakah proses mencanting batik ini?
74. Apakah alatan yang sering digunakan untuk membuat corak batik ini?
75. Adakah tuan haji menggunakan tumbuh-tumbuhan sebagai alatan mencanting batik ini?
76. Dari mana tuan haji mendapat inspirasi atau idea untuk corak batik ini?
77. Adakah teknik mencanting batik ini menggunakan teknik tradisional atau menggunakan mesin?
78. Berapa lama masa yang diambil untuk menyiapkan sehelai batik ini?
79. Dalam sehari berapa helai batik yang boleh disediakan?
80. Kita semua maklum mengenai perusahaan batik sangat popular di negeri Kelantan, bagaimanakah tuan haji memastikan bahawa batik di perusahaan tuan haji berbeza dan unik berbanding batik lain?
81. Bercakap mengenai Internet, adakah tuan haji memasarkan atau menjual batik ini secara online?
82. Bagaimanakah tuan haji ingin memastikan bahawa Samasa Batik ini dikenali oleh pelancong yang datang ke negeri Kelantan ini?
83. Adakah batik ini perlu penjagaan yang rapi dan teliti untuk mengelakkan dari rosak coraknya?
84. Apakah strategi tuan haji untuk mengekalkan corak di Samasa Batik ini supaya tak telan dek zaman?

### **Harga di Samasa Batik**

85. Adakah tuan haji merasa harga batik di Samasa batik ini setimpal dengan kualitinya?
86. Berapakah anggaran harga batik yang dijual di Samasa Batik ini?
87. Boleh kongsi kan batik yang paling mahal dijual dan apa keistimewaannya?

88. Adakah harga di Samasa Batik merupakan harga tetap?

### **Kenangan manis dan pahit**

89. Apakah kenangan pahit yang pernah dialami oleh tuan haji sepanjang menjalankan perniagaan ini?

90. Bagaimana pula dengan kenangan manis yang dialami oleh tuan haji sendiri?

91. Bagaimanakah tuan haji mengatasi cabaran kenangan pahit itu?

92. Berdasarkan kenangan pahit yang pernah dialami oleh tuan haji,apakah pengajaran yang tuan haji dapat berdasarkan kenangan itu?

### **Cabaran**

93. Bagaimanakah tuan haji menghadapi saingan perusahaan batik yang lain?

94. Apakah cabaran yang dihadapi oleh tuan haji sepanjang menjalankan perusahaan ini?

95. Kita sedia maklum pada tahun lepas Kelantan dilanda banjir yang besar,adakah ini menjejaskan perniagaan dan pengeluaran batik di perusahaan tuan haji?

### **Harapan**

96. Siapakah yang menjadi idola tuan haji?

97. Mengapa tuan haji memilih beliau sebagai idola?

98. Siapakah yang banyak memberi sokongan kepada tuan haji?

99. Siapakah yang akan meneruskan perusahaan ini pada masa akan datang?

100. Adakah anak-anak tuan haji akan meneruskan perusahaan ini?

101. Adakah tuan haji terpikir untuk mengkomersialkan perniagaan batik ini ke luar negara sebagai contoh Singapura?

### **Nasihat**

102. Apa nasihat tuan haji kepada sesiapa yang berminat untuk masuk dalam bidang perniagaan ini?

103. Apakah tips ataupun petua yang boleh dikongsikan dalam bidang perniagaan ini?

# **Surat perjanjian tokoh**





## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA


Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Kamaruzaman Mohd Salleh Pada 2hb Nov 2015

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh).  
Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tokoh)  
SAMASA PENCAKIMIA SDN. BHD.  
(44080-M)  
LOT 73, JALAN KG. SIREH,  
BELAKANG FLAT KG. SIREH,  
15050 KOTA BHARU, KELANTAN.

  
Dr. Mohd Nasir Ismail,  
Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti  
Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi  
& Fakulti Undang-Undang  
UiTM Cawangan Kelantan  
Kampus Machang

Gambar



## Indeks

<b>A</b>			
active drys.....	18		
<i>and then</i> .....	3, 5, 9, 22		
Australia .....	6		
<b>B</b>			
Balai Seni Lukis Negara.....	13		
BASF Germany.....	11		
batik canting .....	6		
batik skrin .....	5, 7		
Batik terap cop .....	6		
British .....	2		
<b>C</b>			
<i>Clorox</i> .....	9		
cotton .....	17, 18		
<i>customer</i> .....	16		
<b>D</b>			
Dato Zainal Ali.....	4		
Datuk Abdullah badawi.....	4		
degree.....	12		
Dewan Perniagaan Melayu Malaysia .....	3		
<b>E</b>			
English .....	13		
<i>establish</i> .....	22, 24		
expose .....	11		
<b>F</b>			
<i>fabric</i> .....	23		
Facebook.....	18		
<b>G</b>			
Germany .....	23		
<i>goldline</i> .....	16		
<b>H</b>			
Haji Che Su .....	1		
		<b>I</b>	
		Indonesia.....	6, 23
		<b>J</b>	
		Jepun .....	2, 6
		<b>K</b>	
		Kamarulzaman Bin Haji Mohd Salleh.....	1
		Kampung Beoh.....	15
		Kampung Putih.....	2
		Kelantan.....	1, 4, 19, 20
		klorin.....	9
		Kota Bahru .....	2
		Kuala Lumpur .....	4
		<b>L</b>	
		Lorong Gajah Mati.....	1
		Lorong Gajah Mati.....	1
		<b>M</b>	
		<i>magazine</i> .....	9
		Malaysia.....	4, 9, 13
		Mohd Salleh Bin Haji Che Su.....	1
		Mohd Yusof.....	2, 7
		Mohd Yusof.....	2
		<b>N</b>	
		natural dry.....	19
		natural fibre .....	17, 19
		NGO.....	3, 8
		<b>O</b>	
		<i>Office hour</i> .....	15
		<i>online business</i> .....	9
		<b>P</b>	
		P.Ramlee.....	5
		Pasir Putih.....	2, 15
		Perbadanan kraftangan. ....	14
		Persatuan Batik Melayu Pantai Timur.....	4

Pertandingan Piala Seri Indon.....	19
pigmen .....	12
Pok Loh.....	4
polyster .....	17, 19
<i>production</i> .....	7, 8, 14, 17
<i>production limited</i> .....	7
Pulau Pinang.....	2

## R

rainbow .....	19
reacting .....	12
reactive.....	12
ripasour .....	12

## S

SAMASA .....	1, 3, 4, 6, 7, 8, 13, 14, 15, 16, 24
SAMASA batik sdn.bhd.....	3
<i>screen printing</i> .....	5
season.....	19
sekolah Merbau Ingeris School.....	1
Shah Alam .....	13
short term.....	12
silk printing .....	12
Singapore.....	23
Southern Ismail College. ....	1
Sri Endon .....	4

Sultan Ismail College.....	1
Sultan Ismail College SIC .....	1

## T

<i>test color</i> .....	14
Thailand.....	7, 23
Timbalan Yang Dipertua Persatuan Batik Malaysia.....	4
Tom Abang Saufi .....	19
<i>toner</i> .....	9
tool dyes.....	18
<i>tracer</i> .....	7
tracing film .....	11
<i>transfer print</i> .....	5

## U

Univeriti Teknologi Mara.....	7
universal.....	12

## W

<i>whatever</i> .....	8, 22
-----------------------	-------

## Y

Yusof Company .....	2, 7
---------------------	------